

Lebih 3.2 juta pendeposit mendapat pulangan menerusi peruntukan RM92.56 juta

PTPTN agih dividen 4 peratus

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

KUALA LUMPUR — Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengumumkan dividen sebanyak empat peratus bagi Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia (SSPN1M) 2017 melibatkan dua produknya iaitu SSPN1M-i dan SSPNMIM-i Plus.



“Sehingga tahun 2016, PTPTN telah mengeluarkan sebanyak RM288.6 juta bagi tujuan pengagihan dividen kepada pendeposit. PTPTN berjanji akan terus meningkatkan jumlah pulangan dividen pada tahun akan datang,” katanya kepada pemberita selepas mengumumkan pengagihan dividen di Menara PTPTN di sini semalam.

Pengerusinya, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, pemberian dividen sebanyak empat peratus itu kekal seperti tahun 2016 dan ia diberikan berdasarkan pulangan bersih pelaburan yang dibuat oleh pendeposit PTPTN.

“Pemberian ini melibatkan anggaran peruntukan seba-

nyak RM92.56 juta dan bakal memberi manfaat kepada lebih 3.2 juta yang menjadi pendeposit SSPN1M-i dan SSPNMIM-i Plus.

“Sehingga tahun 2016, PTPTN telah mengeluarkan sebanyak RM288.6 juta bagi tujuan pengagihan dividen kepada pendeposit. PTPTN berjanji akan terus meningkatkan jumlah pulangan dividen pada tahun akan datang,” katanya kepada pemberita selepas mengumumkan pengagihan dividen di Menara PTPTN di sini semalam.

Turut hadir Ketua Eksekutif PTPTN, Wan Ahmad Wan Yusoff, Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN, Datuk Mariany Mohammad Yit dan Prof. Datuk Dr.



SHAMSUL Anuar (dua dari kiri) bersama Wan Ahmad (dua dari kanan), Mariany (kanan) dan Kian Kok bergambar pada majlis pengumuman dividen SSPN1M di Menara PTPTN, Kuala Lumpur semalam.

Toh Kian Kok.

Shamsul Anuar berkata, melalui skim yang diperkenalkan sejak tahun 2014 itu, sebanyak 3.2 juta akaun telah dibuka dengan melibatkan jumlah kutipan

deposit hampir RM3.3 bilion.

“PTPTN juga berjaya melepassi sasaran deposit yang ditetapkan pada tahun 2017 iaitu sebanyak RM550 juta dengan memperoleh kutipan sebanyak

INFO

Pemberian dividen PTPTN

Tahun	Kadar dividen
2017	4 peratus
2016	4 peratus
2015	4 peratus
2014	4.25 peratus
2013	4.25 peratus

RM727.4 juta berbanding hanya RM544.5 juta pada tahun 2016.

“Sebanyak 447,039 akaun baharu juga telah dibuka oleh pendeposit pada tahun 2017 dan ini menunjukkan rakyat Malaysia mulai sedar akan kepentingan menabung untuk pendidikan tinggi,” ujarnya.